



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**TEKS UCAPAN
YB. DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

**SEMPENA:
PROGRAM DEBAT MADANI 2023**

**TARIKH/MASA:
21 OGOS 2023 (ISNIN) | 10.00 PAGI**

**LOKASI:
DEWAN CANSELOR TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

Para tetamu yang saya hormati,

1. Terlebih dahulu, bagi pihak Kementerian Pendidikan Tinggi, saya ingin mengucapkan selamat datang ke Debat Perdana MADANI edisi sulung.
2. Ini merupakan satu inisiatif khusus KPT untuk bersama-sama mengangkat wacana Malaysia MADANI dengan lebih kritis dan kreatif.
3. Saya mewakili pihak KPT dan sudah pastinya YAB Perdana Menteri, sangat berbesar hati dengan kesudian para cendekiawan dari dalam dan luar negara, yang hadir untuk bersama-sama berkongsi pandangan dan ilmu di pentas debat ini.
4. And I take this opportunity to officially welcome our esteemed speakers from Qatar and Indonesia. We are indeed very pleased to have both of you with us today.

Hadirin yang saya hormati,

5. Seperti yang kita maklum, Malaysia MADANI adalah satu gagasan besar yang dibawa oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Anwar bin Ibrahim.
6. Gagasan ini diunjurkan sebagai satu etos nasional, yang bersandar pada 6 prinsip utama.
7. Prinsip-prinsip ini disusun sebagai asas kepada sebuah sistem nilai yang harus memimpin Malaysia secara rapat dan tegas dalam menguruskan negara ini dan memeta masa depannya.
8. **Harapan kita, Malaysia bertumbuh menjadi sebuah negara yang matang, sarat dengan nilai-nilai unggul dan dicirikan dengan kesejahteraan yang merentasi segala latar dan perbezaan.**
9. Kita mahu menampilkkan kepada semua. Bahawa kerencaman identiti dari segi leluhur bangsa, pecahan etnik mahupun pegangan agama, bukanlah satu masalah.

10. Sebaliknya, semua itu adalah kekuatan yang mesti diraikan dan dilonjakkan potensinya.

Hadirin yang saya hormati,

11. Kerajaan Perpaduan bukan sahaja sebuah kerajaan yang sederhana.
12. Tetapi sebuah kerajaan yang menerima hakikat bahawa apa-apa sahaja gagasan yang kita perkenal dan usahakan, mestilah bersifat dinamik dan memerlukan kefahaman serta penerimaan yang baik oleh masyarakat.
13. Justeru, Debat Perdana MADANI ini adalah salah satu cara dan pendekatan Kementerian Pendidikan Tinggi menyumbang dalam menjayakan Malaysia MADANI.
14. Secara asasnya, terdapat beberapa dimensi penting yang menjadi penegasan kita dalam menganjurkan Debat Perdana MADANI ini.
15. **Pertama, Malaysia MADANI bukan sahaja tentang sistem nilai yang unggul atau idea besar. Lebih utama, ini adalah satu seruan kebersamaan dalam memberi yang terbaik kepada tanahair.**
16. Sebagai sebuah Kementerian yang menguruskan bakat, ilmu dan kebijaksanaan watan, Debat Perdana MADANI ini adalah saluran untuk segala kelebihan intelektual diangkat dan dikongsikan dengan negara.
17. Kita mahu menggembungkan segala kekuatan dan kelebihan dari segi idea dan pemikiran besar, untuk disumbangkan kepada usaha membawa kesejahteraan tanahair.
18. **Bagi pihak KPT, Debat Perdana MADANI ini adalah sebuah projek untuk negara.**
19. Projek untuk negara yang memfokuskan kepada penjanaan idea dan buah pandangan. Kerana tanpa idea dan buah pandangan yang pelbagai, tidak ada agenda dan misi bersama negara yang akan berjaya.

20. **Kedua, Debat Perdana MADANI ini adalah pentas kita memperincikan strategi dan tindakan bagi menjayakan Malaysia MADANI.**
21. Malaysia MADANI adalah gagasan besar yang bersifat etos nasional.
22. Tetapi untuk sesebuah gagasan besar itu berjaya dan mencapai matlamat murninya, kita mesti mengisi gagasan tersebut dengan cara yang betul, praktikal dan strategik.
23. **Idea besar yang baik, jika tidak diterjemahkan dengan cara yang berkesan, akan berakhir sebagai sekadar slogan kosong.**
24. Saya yakin, setelah mendengar syarahan daripada semua tokoh yang dijemput, kita berpeluang melihat dengan lebih jelas apakah kelebihan Malaysia MADANI sebagai sebuah gagasan negara.
25. Malah kita akan dapat meneliti secara objektif apakah kekurangan dan lakuna yang ada, yang mesti diperbetul dan diperkuuh secara berlapang dada.
26. **Yang ketiga dan terakhir, saya memberi jaminan bahawa segala pengamatan serta perspektif yang dikongsikan oleh semua panel yang bijaksana hari ini, bukan sahaja sangat kita hargai, tetapi akan diberikan perhatian serius.**
27. Seperti yang dapat tuan-tuan dan puan-puan semua lihat, Debat Perdana MADANI ini menghimpunkan minda-minda besar.
28. Mereka adalah tokoh yang dihormati, yang kaya dengan ilmu dan pengalaman.
29. Pentas Debat Perdana MADANI ini mengumpulkan tokoh-tokoh ulung kerana kita mahu memastikan idea-idea besar berkenaan Malaysia MADANI diuji dan dibahaskan secara terbuka dan kritikal.
30. Sekali pun kita semua jelas dengan nilai dan pendirian yang membentuk gagasan Malaysia MADANI, kita sebenarnya masih sangat memerlukan pandangan, kritikan serta saranan dari golongan bijak pandai.

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

31. Sebab itu pentas ini dibuka seluas-luasnya. Ia adalah ruang dan peluang kita mengutip segala nilai tambah yang ampuh dalam menjayakan Malaysia MADANI.

Hadirin dan hadirat,

32. Sebelum berakhir, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua tokoh dan pemikir yang sudi berkongsi pandangan di pentas ini.
33. Dan terima kasih kepada pihak UKM atas kesudian menjadi tuan rumah dan membantu menjayakan projek untuk negara ini.
34. Insya-Allah, Debat Perdana MADANI ini akan terus kita angkat sebagai jalan penting dalam menjayakan gagasan besar negara.
35. Semoga aspirasi kebangsaan ini membawaikan kebaikan kepada bangsa dan negara kita.
36. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan Debat Perdana MADANI, edisi sulung 2023.
37. Terima kasih.